

## Kepentingan Sumber Air untuk Dayahuni Bandar: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh

Salina Binti Nor Azam (P80744) dan Ahmad Fariz Mohamed

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: fariz@ukm.edu.my

Air adalah nadi untuk semua hidupan di dunia. Malah, kewujudan sesuatu tamadun manusia bermula dengan kawasan yang terdapat punca air terutamanya di kawasan berhampiran sungai. Bagi Bandaraya Ipoh, perbandaran bermula dengan dua penempatan di sepanjang Sungai Kinta. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2010 penduduk Ipoh adalah seramai 657,892 dan Ipoh akan menerima pertambahan sebanyak 0.16 juta penduduk menjelang tahun 2020 seperti unjuran dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2020. Dengan itu, adalah penting untuk kita membekalkan air yang secukupnya bagi memenuhi permintaan pada masa akan datang. **Pernyataan Masalah:** Pembangunan dan pertambahan penduduk di bandaraya Ipoh dijangka meningkat berdasarkan unjuran penduduk yang dinyatakan di dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2020. Oleh itu, Kerajaan Negeri mestilah bersedia untuk memastikan bekalan air yang mencukupi untuk memenuhi permintaan penduduk dan perindustrian pada masa akan datang. **Objektif:** Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti kepentingan Sungai Kinta sebagai sumber air dalam mempengaruhi dayahuni Bandaraya Ipoh bagi tempoh masa antara tahun 2015 - 2030. Seterusnya, strategi pengurusan pembekalan air mentah akan dirangka dalam mengekalkan dayahuni Bandaraya Ipoh. **Metodologi:** Dua kaedah penyelidikan akan dilakukan iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Dua bentuk penyelidikan utama akan dilakukan iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan iaitu melalui borang kaji selidik. Kajian akan memfokuskan kepada Bandaraya Ipoh merangkumi kawasan kediaman di Kanthan, Chemor, Klebang, Meru Raya, Tanjung Rambutan, Tasek, Jelapang, Bercham, Silibin, Tambun, Pusat Bandaraya, Gunung Rapat, Menglembu, Lahat, Station 18 dan Simpang Pulai. Sampel rawak akan digunakan bagi mewakili populasi untuk tujuan kaji selidik. **Kesimpulan:** Kajian ini dijangka dapat membantu dalam merangka strategi bagi meningkatkan keupayaan Sungai Kinta untuk menampung keperluan penduduk dan pengurusan sistem bekalan air yang lebih berkesan dalam mengekalkan dayahuni Bandaraya Ipoh.